



**BULETIN**

# 1000 *Harí* KEPIMPINAN

TUAN HAJI AFFENDI RAJINI KANTH

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

# 2024





# MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

*100 Hari Kepimpinan*

**TUAN HAJI AFFENDI RAJINI KANTH**

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

**DITERBITKAN OLEH:  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**



ISSN: 3030-6507

Cetakan Pertama - 2024

**DITERBITKAN OLEH:**



Majlis Perbandaran Kangar Perlis,  
192, Persiaran Jubli Emas,  
01000 Kangar, Perlis

Tel: 04-9762188

Faks: 04-9766052

Website: [mpkangar.gov.my](http://mpkangar.gov.my)

Emel: [www.mpkangar.gov.my](http://www.mpkangar.gov.my)

Facebook: Majlis Perbandaran Kangar

Instagram: Majlis Perbandaran Kangar

**Buletin ini diterbitkan secara tahunan**

**HAK CIPTA TERPELIHARA:**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pentadbiran Majlis Perbandaran Kangar, Perlis

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia. Rekod Katalog bagi buletin ini boleh didapati daripada Perpustakaan Negara Malaysia

ISSN 3030-6507



9 773030 650002

## ISI KANDUNGAN

• Sidang Redaksi	5
• Majlis Pengakuan Menerima Jawatan	15-16
• Kunjungan Hormat Ke Timbalan Menteri KPKT	19
• Lawatan Bersama ADUN Kuala Perlis	21-22
• YDP Mengadap DYMM Pemangku Raja Perlis	23
• Penguatkuasaan Styrofoam & Polisterin	34
• Pencapaian Dan Pembaharuan MPKangar 2024	57-63
• Liputan Media YDP	67-71

# SIDANG REDAKSI



## PENAUNG

Puan Rosmariansi Binti Ab Rashid  
Pengarah  
Jabatan Korporat & Sumber Manusia



## KETUA PENYUNTING

Puan Amira Binti Jamaludin  
Penolong Pengarah  
Jabatan Korporat & Sumber Manusia



## PENGARANG

Encik Ridzuan Bin Rosli  
Penolong Pegawai Tadbir



## JURUFOTO

Encik Suhaizie Bin Salim  
Pembantu Awam



## JURUFOTO/PEREKA GRAFIK

Encik Mohd Fazli Bin Ramli  
Pembantu Tadbir

## KATA ALUAN PENGARAH JABATAN KORPORAT DAN SUMBER MANUSIA



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang;**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat ilahi dengan izin-Nya jua serta dengan iltizam dan usaha yang bersungguh-sungguh, saya bersama Pasukan Sidang Redaksi telah berjaya menerbitkan **Buletin 100 Hari Kepimpinan Yang Dipertua MPKangar 2024** secara tahunan ini.

Saya mewakili warga kerja Majlis Perbandaran Kangar (MPKangar), mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian 100 Hari Kepimpinan Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth serta diharapkan kejayaan dan pencapaian yang cemerlang dapat dicapai oleh Tuan Yang Dipertua berdasarkan tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sebagai makluman, buku ini dihasilkan bertujuan untuk memberi maklumat dan informasi berhubung program/aktiviti serta pembaharuan, penambahbaikan dan pelaksanaan yang telah dilakukan sepanjang tempoh 100 Hari Kepimpinan Tuan Yang Dipertua, demi merealisasikan hasrat MPKangar sebagai PBT tunggal di Negeri Perlis yang komited dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat dan *stakeholders*.

Semoga buku ini menjadi wadah rujukan kepada para pembaca sekalian. Amin Ya Rabbal Alamin.

**ROSMARIANI BINTI AB RASHID**  
Pengarah Jabatan Korporat Dan Sumber Manusia  
Majlis Perbandaran Kangar,  
Perlis



## LAPOR DIRI TUAN HAJI AFFENDI RAJINI KANTH, YANG DIPERTUA MPKANGAR

9 Mei 2024



Tuan Haji Affendi Rajini Kanth melapor diri dan mula bertugas di Majlis Perbandaran Kangar sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar. Tuan Yang Dipertua telah disambut di lobi Ibu Pejabat MPKangar oleh Setiausaha, Encik Raziff Bin Yaacob bersama barisan Pengarah-Pengarah Jabatan / Unit / Pejabat Cawangan dan seluruh kakitangan. Sejurus tiba, Tuan Yang Dipertua dibawa untuk mengimbas cap jari sebagai simbolik kehadiran bertugas di MPKangar.

Kehadiran Tuan Yang Dipertua disambut mesra oleh semua kakitangan dengan rasa hormat sebagai tanda kesiapsiagaan untuk sama-sama berkhidmat di MPKangar. Sejurus tiba di pejabat beliau, Setiausaha MPKangar memberi taklimat ringkas mengenai latar belakang MPKangar dan menyerahkan Fail Meja Yang Dipertua MPKangar sebagai rujukan.

Ayam jantan masuk ke pekan,  
Membangunkan bandar berdaya mampan,  
Kehadiran tuan kami nantikan,  
Menghulur tangan membina masa depan.



## SESI PENYERAHAN SURAT PENEMPATAN KEPADA PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (PTD) NEGERI PERLIS OLEH YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

9 Mei 2024

YB Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar, Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perlis telah menyerahkan surat penempatan kepada Tuan Haji Affendi Rajini Kanth sebagai Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kangar, Gred 54 (Terbuka) berkuat kuasa 9 Mei 2024 bagi menggantikan Encik Norazlan bin Yahaya, Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M52 yang bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam.

Penyerahan watakah diserahkan oleh YB SUK kepada Yang Dipertua di Pejabat SUK, Perlis. Turut hadir YBrs. Encik Rusdi bin Yahya, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pembangunan), YBrs. Dr. Noriman bin Rojulai, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (Pengurusan), Encik Azmi bin Abdul Latip, Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Puan Nuur Zawani Binti Shaari, Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.



## SESI LAWATAN TAPAK BERSAMA TUAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

9 Mei 2024

Lawatan tapak bersama Tuan YDP MPKangar telah diadakan seperti berikut:

- i. Lawatan tapak ke Taman Masmuda Utama bagi tinjauan status pelaksanaan projek Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) Kementerian Ekonomi tahun 2023;
- ii. Lawatan tapak ke Terminal Bas Ekspres Kangar bagi tujuan tinjauan status pelaksanaan projek;
- iii. Lawatan tapak ke Pasar Borong Sena;
- iv. Lawatan tapak ke Foodcourt Market Sena;
- v. Lawatan tapak ke Dataran Taman Sena; DAN
- vi. Lawatan tapak ke Dewan MPKangar Arau.

Turut hadir dalam lawatan tersebut adalah Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan bersama pegawai-pegawai JKP, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Perlesenan dan wakil Jabatan Kejuruteraan.



## LAWATAN YBHG. DATUK BANDAR MBSP KE NEGERI PERLIS SEMPENA TAHUN MELAWAT PERLIS 2024-2025

10 Mei 2024

MPKangar menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Bin Hj Arshad ke Negeri Perlis diiringi oleh Pengerusi ANULAE Pulau Pinang disambut oleh Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth bersama Setiausaha, Encik Raziff Bin Yaacob.

Turut hadir bersama Ketua ANULAE Cawangan Perlis serta Pegawai-Pegawai Kanan MPKangar.



## PENYERAHAN SUMBANGAN DARIPADA KAKITANGAN MPKANGAR KE ATAS KEMATIAN AHLI KELUARGA

20 MEI 2024

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah menyerahkan kutipan sumbangan ikhlas daripada warga MPKangar kepada 2 orang kakitangan Majlis yang telah kehilangan ahli keluarga.

MPKangar mengucapkan takziah kepada Encik Yusri Bin Abd Rahman, Pembantu Tadbir Kanan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta dan Encik Mohd Hanis Bin Rusle, Ketua Unit Seni Taman, Jabatan Landskap di atas kehilangan ahli keluarga mereka.



## KUNJUNGAN HORMAT YANG DIPERTUA MPKANGAR KE PEJABAT YANG BERHORMAT AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PERLIS PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

21 Mei 2024



Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Tuan Asrul Aimran Bin Abd Jalil.


Objektif utama kunjungan berkenaan adalah untuk mengeratkan hubungan dan memperkukuh jalinan kerjasama yang telah sedia wujud di antara kedua-dua belah pihak di samping membincangkan mengenai isu-isu penting yang bersangkutan dengan fungsi dan peranan Kerajaan Tempatan ke arah mensejahterakan rakyat di Negeri Perlis.



## KUNJUNGAN HORMAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN) JABATAN KERAJAAN TEMPATAN ENCIK OMRAN BIN OMAR KEPADA YANG DIPERTUA MPKANGAR, TUAN HAJI AFFENDI RAJINI KANTH

21 MEI 2024



Nama : OMRAN OMAR  
Jawatan : TICP (P), JUT  
Catatan : ITJMO osewa ni narimusu  
Tandatangan :   
Tarikh : 2024/5/21  
いつかお世話になります

## LAWATAN PEMANTAUAN PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN JABATAN KERAJAAN TEMPATAN (JKT) TAHUN 2023 NEGERI PERLIS

**21 Mei 2024**

Lawatan ini diketuai oleh Encik Omran Bin Omar (TKP Pembangunan), En. Rizzuan (PP Pembangunan) yang mewakili JKT.

Hadir bersama dalam lawatan tersebut adalah Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Pengarah Unit Teknologi Maklumat dan Penolong Jurutera Jabatan Kejuruteraan. Lokasi lawatan tersebut di Taman Sena Indah Kangar dan Utan Aji.



## MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN SEBAGAI YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

24 MEI 2024

Pada pagi ini Tuan Haji Affendi Rajini Kanth yang telah dilantik sebagai Yang Dipertua MPKangar mulai 9 Mei 2024 telah mengangkat sumpah sebagai Yang Dipertua dihadapan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kangar dan disaksikan YAB Menteri Besar Perlis, Tuan Mohd Shukri Bin Ramli.

Majlis Pengakuan Menerima Jawatan sebagai Yang Dipertua MPKangar ini telah diadakan di Bilik Gerakan 1, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis disaksikan oleh EXCO Kerajaan Negeri Perlis iaitu YB Tuan Haji Razali Bin Saad dan YB Tuan Wan Zikri Afthar Bin Ishak. Turut hadir ialah Penasihat Undang- Undang Negeri Perlis, YB Yang Zaimy Bin Yang Ghazali, Pegawai Kewangan Negeri, YB Tuan Zepri Bin Saad dan SUB Bahagian Kerajaan Tempatan, Encik Hasbullah Bin Abd Rashid.

Warga kerja MPKangar mengucapkan tahniah kepada Tuan Haji Affendi Rajini Kanth yang telah dilantik sebagai Yang Dipertua MPKangar.



# MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN SEBAGAI YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

24 MEI 2024



## KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERBANDARAN KANGAR BERSAMA INDAH WATER KONSORTIUM (IWK)

29 MEI 2024

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah hadir ke Putrajaya untuk Sesi Kunjungan Hormat bersama Indah Water Konsortium (IWK).

Pegawai IWK yang menyambut kehadiran YDP adalah Encik Narendran Maniam (Ketua Pegawai Eksekutif IWK), Puan Azzura Mohd Amin (Penolong Pengurus Besar) dan Puan Wan Zawiyah Wan Halim, (Pegawai Perhubungan Akaun Kerajaan).



# KUNJUNGAN HORMAT OLEH YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR BERSAMA TKSU (PENGURUSAN) MOTAC

30 Mei 2024

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah mengadakan kunjungan hormat serta perbincangan bersama TKSU (Pengurusan) Kementerian Pelancongan Seni Dan Budaya Malaysia, YBhg. Dato' Shaharuddin Bin Sohot.



## KUNJUNGAN HORMAT YANG DIPERTUA MPKANGAR BERSAMA TIMBALAN MENTERI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

4 JUN 2024

Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah mengadakan kunjungan hormat kepada Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Hajjah Aiman Athirah Binti Sabu.



## KUNJUNGAN HORMAT YANG DIPERTUA MPKANGAR BERSAMA KSU KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

4 JUN 2024

Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah mengadakan kunjungan hormat serta perbincangan berkaitan pembangunan dan kemudahan rekreasi di Negeri Perlis bersama dengan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib.

Turut hadir di dalam kunjungan hormat tersebut YBhg. Dato Fadzli Bin Mohd Kenali (Ketua pengarah JKT), Encik Syahrul Nizam Bin Salleh (Pengarah Pembangunan JKT) dan Pengarah Jabatan Landskap MPKangar, Puan Nor Asma Binti Noordin.



## SESI LAWATAN YANG DIPERTUA MPKANGAR BERSAMA ADUN KUALA PERLIS BAGI MENINJAU KAWASAN SELIAAN MPKANGAR DI KUALA PERLIS

5 JUN 2024

YDP MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah mengiringi Yang Berhormat Tuan Abu Bakar Bin Hamzah, ADUN Kuala Perlis bagi sesi lawatan ke kawasan-kawasan tumpuan awam yang berada di bawah seliaan Majlis Perbandaran Kangar yang meliputi Dataran Lok 9 Kuala Perlis, Kompleks Jeti Kuala Perlis, Terminal Bas Ekses Kuala Perlis, Pasar Kuala Perlis dan Padang Bola Sepak Kuala Perlis.

Objektif utama lawatan adalah bagi melihat dengan lebih dekat masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat setempat khususnya pengguna kemudahan-kemudahan awam tersebut dan seterusnya menyelesaikan masalah-masalah yang telah dikenal pasti.



## SESI LAWATAN YANG DIPERTUA MPKANGAR BERSAMA ADUN KUALA PERLIS BAGI MENINJAU KAWASAN SELIAAN MPKANGAR DI KUALA PERLIS



## YANG DIPERTUA MENGADAP DYMM TUANKU PEMANGKU RAJA PERLIS

6 JUN 2024



Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Galeri Diraja Arau pada hari ini.

Antara perkara yang dipersembah maklumkan oleh Yang Dipertua kepada DYMM Tuanku Pemangku Raja Perlis adalah seperti berikut:

- I. Pelupusan tempat pembuangan sampah di tepi jalan secara berperingkat;
- II. Penyelesaian aduan dalam masa 24 jam; dan
- III. Pelaksanaan larangan penggunaan *Styrofoam* dan Polisterin sebagai pembungkus makanan menjelang 1 Ogos 2024.

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2023 PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

8 JUN 2024

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2023, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis di Putra Regency Hotel, Kangar, Perlis. Anugerah APC kepada 18 orang penerima MPKangar telah disampaikan oleh YAB Menteri Besar Perlis, Tuan Mohd Shukri Bin Ramli.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada warga kerja MPKangar di atas penganugerahan berprestij tersebut. Semoga momentum kecemerlangan dapat diteruskan pada masa akan datang.

# Tahniah

Kepada Penerima-Penerima  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang  
Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis  
Tahun 2023

*Daripada*

**Yang Dipertua, Ahli Majlis  
Dan Warga Kerja**



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG TAHUN 2023 PENTADBIRAN  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

8 JUN 2024

# Tahniah

*Kepada Penerima-Penerima  
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang  
Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis  
Tahun 2023*

*Daripada  
Yang Dipertua, Ahli Majlis  
Dan Warga Kerja*



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR



## KUNJUNGAN HORMAT TUN YANG DIPERTUA MPKANGAR KE PEJABAT YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG KERAJAAN NEGERI PERLIS

10 JUN 2024

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah mengadakan satu pertemuan ringkas dengan YB Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Perlis. Dalam pertemuan singkat itu, pelbagai perkara melibatkan kesejahteraan Negeri Perlis dibincangkan. Turut mengiringi Tuan YDP adalah Pegawai daripada Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan MPKangar.



## BENGGEL PENGUKUHAN DAN PEMURNIAN SERTA HALA TUJU AHLI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

11 JUN 2024

Ahli Majlis MPKangar telah hadir ke bengkel ini, yang diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan perkongsian maklumat berkaitan MPKangar di antara Yang Dipertua dan Ahli Majlis ke arah memastikan hala tuju yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Menerusi slot hari pertama program, Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah menyampaikan taklimat ringkas berkaitan peranan dan tanggungjawab Ahli Majlis. Ahli Majlis bagi setiap kawasan parlimen telah dikehendaki menyediakan cadangan dan hala tuju bagi setiap kawasan parlimen masing-masing seperti berikut:

- A) P 01 Padang Besar
- B) P 02 Kangar
- C) P 03 Arau



# KUNJUNGAN HORMAT YBHG. DATO' NELLEN YOUNG, FOUNDER AND PRESIDENT OF ASEAN PEOPLE ASSOCIATION LOS ANGELES KEPADA TUAN HAJI AFFENDI RAJINI KANTH, YANG DIPERTUA MPKANGAR

20 JUN 2024



## PENYERAHAN SURAT PENGESAHAN JAWATAN KAKITANGAN LANTIKAN TETAP MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

3 JULAI 2024



Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah sudi meluangkan masa untuk penyerahan Surat Pengesahan Jawatan sambil disaksikan oleh Pengarah Jabatan berkaitan iaitu Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Bandar, Pengarah Jabatan Undang Undang Dan Penguatkuasaan, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan serta Pengarah Pejabat Cawangan Arau.

Pengesahan jawatan ini melibatkan 6 orang kakitangan lantikan tetap yang berjawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar Dan Desa Gred JA29, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, Pemandu Kenderaan Gred H11 dan Pembantu Operasi Gred N11.

## KUNJUNGAN HORMAT REKTOR KUIPS SERTA PERBINCANGAN HALA TUJU PEMBANGUNAN KUIPS

3 JULAI 2024

YBhg. Profesor Dr. Muhamad Rozaimi Ramle, Rektor Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Yang Dipertua MPKangar di Ibu Pejabat MPKangar pada hari ini.

Perkara utama yang dibincangkan adalah berhubung hala tuju pembangunan KUIPs agar dapat mencapai visi dan misi untuk menjadi institusi akademik berteraskan Islam terkemuka di peringkat antarabangsa yang menawarkan gabungan program pengajian Islam tradisional dan kontemporari.

Turut hadir Pegawai Unit OSC, Pegawai Jabatan Kawalan Bangunan dan Pegawai Kanan KUIPs.



## MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR KALI KELIMA TAHUN KE-45, 2024

4 JULAI 2024



Mesyuarat Majlis, Majlis Perbandaran Kangar yang juga dikenali sebagai Mesyuarat Penuh Majlis (*Full Council*) Kali Kelima Tahun Ke-45, 2024 telah diadakan di Dewan Mesra, MPKangar.



Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Yang Dipertua MPKangar telah mempengerusikan mesyuarat tersebut yang dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis MPKangar, Pengarah-Pengarah Jabatan Dalam MPKangar, Setiausaha Bahagian Bahagian Kerajaan Tempatan PSUKPs. dan wakil-wakil Jabatan Dalam MPKangar.



## SIJIL ANUGERAH PERLINDUNGAN TAHUN 2023

## KESELAMATAN

4 JULAI 2024

MPKangar telah menerima pengiktirafan 4 Bintang dan telah dianugerahkan sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2023 yang disampaikan oleh Pengarah Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Malaysia (CGSO) Negeri Perlis, Tuan Ahmad Tarmizi Bin Abd Shukor kepada Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth.

Program Inspektorat Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan merupakan program yang dijalankan setiap 2 tahun sekali dan aspek penilaian Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan merangkumi 4 komponen utama iaitu:

- **BAHAGIAN A**  
Dasar Keselamatan Perlindungan
- **BAHAGIAN B**  
Keselamatan Fizikal
- **BAHAGIAN C**  
Keselamatan Rahsia Rasmi
- **BAHAGIAN D**  
Rahsia Rasmi Dalam Persekitaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)



## PERBINCANGAN MPKANGAR BERSAMA YAB MENTERI BESAR PERLIS

9 JULAI 2024



YAB Menteri Besar Perlis, Tuan Mohd Shukri Bin Ramli telah sudi meluangkan masa bagi sesi perbincangan bersama MPKangar yang diketuai oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth. Turut serta di dalam perbincangan tersebut adalah Exco Kerajaan Tempatan, YB Tuan Asrul Aimran Bin Abd. Jalil.

Turut sama hadir adalah Puan Zahirah Binti Azman, Pengarah Jabatan Undang Undang Dan Penguatkuasaan, Puan Rosmariani Binti Ab. Rashid, Pengarah Jabatan Korporat Sumber Manusia dan Encik Azizi Bin Sabu, Unit OSC.

## AKTIVITI PENGUATKUASAAN BAGI LARANGAN PENGGUNAAN BEKAS MAKANAN STYROFOAM DAN POLISTERIN DI SEMUA PREMIS KEDAI/GERAI/PENJAJA PERNIAGAAN MAKANAN DAN MINUMAN DALAM KAWASAN MPKANGAR

15 JULAI 2024



Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Yang Dipertua MPKangar telah mengetuai aktiviti penguatkuasaan bagi Larangan Penggunaan Bekas Makanan *Styrofoam* dan Polisterin di kiosk penjaja makanan dan minuman sekitar kawasan Taman Sena Indah, Kangar.

Sebagai makluman, Notis Larangan Penggunaan Bekas Makanan *Styrofoam* dan Polisterin ini telah dikeluarkan pada 7 Jun 2024 dan telah berkuatkuasa mulai 15 Julai 2024. Aktiviti penguatkuasaan ini turut disertai oleh Ahli Majlis MPKangar iaitu Encik Mohd Faisal Bin Abd Rahman, Ahli Majlis Kawasan Sena, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran Dan Pelesenan, wakil Jabatan Undang Undang Dan Penguatkuasaan, Jabatan Korporat Dan Sumber Manusia serta Pegawai-Pegawai Jabatan Dalaman Majlis.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan Agensi Media Negeri Perlis yang telah membantu bagi menyiarkan hebahan media berhubung aktiviti penguatkuasaan ini.





## PROGRAM SEMBANG SANTAI YANG DIPERTUA MPKANGAR BERSAMA KOMUNITI DUN CHUPING

20 JULAI 2024



Program ini dianjurkan oleh YB Tuan Haji Saad Bin Seman, ADUN Chuping, Perlis bersama MPKangar yang diketuai oleh Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth dan Ahli Majlis MPKangar kawasan Beseri, Encik Mohd Ali Bin Puteh.

Sesi dialog bersama komuniti penduduk kawasan DUN Chuping ini bertujuan untuk membincangkan pelbagai permasalahan yang dihadapi terutama berkaitan lesen/permit berniaga, penyelenggaraan jalan, pencahayaan lampu jalan, pembangunan rumah dan perniagaan, dan sebagainya. Selain itu, dikongsikan juga pelbagai cadangan penambahbaikan disuarakan terutama memajukan Negeri Perlis ke arah Bandar Digital khususnya.



## PROGRAM SEMBANG SANTAI YANG DIPERTUA MPKANGAR BERSAMA KOMUNITI DUN BESERI

20 JULAI 2024



Program ini dianjurkan oleh YB Tuan Haziq Asyraf Bin Dun, ADUN Beseri, Perlis bersama MPKangar yang diketuai oleh Yang Dipertua MPKangar, Affendi Rajini Kanth dan Ahli Majlis MPKangar kawasan Beseri, Encik Abdul Ghafar Bin Abd Halim.

Objektif program ini adalah sesi dialog bersama komuniti penduduk kawasan DUN Beseri membincangkan pelbagai permasalahan yang dihadapi oleh komuniti terutama berkaitan lesen/permit berniaga, penyelenggaraan jalan, pencahayaan lampu jalan, pembangunan rumah dan perniagaan, perkhidmatan sampah dan sebagainya. Selain itu, pelbagai cadangan disuarakan khususnya menaiktarafkan pembangunan kawasan Beseri khususnya.



## KUNJUNGAN YB GAN AY LING, AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DUN INDERA KAYANGAN KE MPKANGAR

22 JULAI 2024



MPKangar telah menerima kunjungan YB Gan Ay Ling, ADUN Kawasan Indera Kayangan dan disambut oleh Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Yang Dipertua MPKangar di pejabat beliau.

Sesi perbincangan tersebut melibatkan pelbagai aspek permasalahan penduduk sekitar Bandar Kangar yang meliputi Kawasan DUN Indera Kayangan serta terdapat juga cadangan-cadangan oleh YB Gan Ay Ling untuk penambahbaikan kemajuan Bandar Kangar khususnya bagi meningkatkan imej Negeri Perlis.

Turut hadir perbincangan adalah Pengarah Jabatan Korporat Dan Sumber Manusia, Pengarah Jabatan Landskap dan wakil Jabatan Kesihatan Persekitaran Dan Pelesenan MPKangar.



## KUNJUNGAN HORMAT SENIOR LECTURER OF GHAZALI SHAFIE GRADUATE SCHOOL OF GOVERNMENT UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

22 JULAI 2024

Dr. Ayu Mashitah Binti Mohd Udin, Senior Lecturer Of Ghazali Shafie Graduate School Of Government, Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth.

Tujuan kunjungan hormat ini diadakan adalah bagi tujuan untuk bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman serta membincangkan kerjasama yang boleh diwujudkan di bawah program GSEEP, UUM.

Semoga kunjungan hormat ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan GSEEP UUM dan MPKangar.



## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH JABATAN PERANGKAAAN NEGERI PERLIS (DOSM) KE MPKANGAR

23 JULAI 2024



MPKangar telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Perlis (DOSM), YBrs. Encik Hamka bin Ismail dan disambut oleh Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth.

Kunjungan hormat ini adalah sesi perkenalan dan makluman berhubung pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan di DOSM Negeri Perlis

## LAWATAN BERMAKLUMAT JABATAN INFRASTRUKTUR KOMUNITI DAN LOGISTIK, MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

24 JULAI 2024

MPKangar telah menerima lawatan bermaklumat Jabatan Infrastruktur Komuniti Dan Logistik, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan delegasi tersebut telah disambut oleh Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth.

Delegasi MBMB diketuai oleh Ts. Safuan Effendy Bin Mat Ghani, Pengarah Jabatan Infrastruktur Komuniti Dan Logistik (JIKL) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bersama-sama 35 orang kakitangan Jabatan Kumpulan Pelaksana.



## PROGRAM SEMBANG SANTAI YANG DIPERTUA MPKANGAR BERSAMA KOMUNITI DUN SIMPANG EMPAT

25 JULAI 2024



Program ini dianjurkan oleh YB Tuan Razali Bin Saad, ADUN Simpang Empat merangkap EXCO Kerajaan Negeri Perlis bersama MPKangar yang diketuai oleh Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth dan Ahli Majlis MPKangar kawasan Simpang Empat, Encik Nur Yuzaizy Bin Mansor dan Puan Latifah Binti Hamzah. Turut hadir bersama Pengarah FAMA Negeri Perlis, Encik Mohd Anzara Bin Azizan dan Ketua Penguatkuasaan Perbadanan Sisa Pepejal (SWCorp) Negeri Perlis.

Objektif program ini bagi membincangkan pelbagai permasalahan yang hadapi antaranya berkaitan peniaga-peniaga Medan Selera MPKangar Simpang Empat, penyelenggaraan jalan dan bangunan, pembangunan perniagaan, perkhidmatan sampah dan sebagainya.



## PROGRAM GOTONG-ROYONG KOMUNITI BERSAMA AHLI MAJLIS KAWASAN SANGLANG

27 JULAI 2024



Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Tuan Affendi Rajini Kanth telah meluangkan masa untuk hadir ke Perasmian Program Gotong-Royong Komuniti Bersama Ahli Majlis Kawasan Sanglang pada pagi ini.

Turut hadir ADUN Simpang Empat, YB Razali Bin Saad, Tuan Sollehudin Bin Azmi Pegawai Khas mewakili YAB Menteri Besar Perlis, Puan Husna Binti Hashim Ahli Majlis Kawasan Sanglang, Encik Marzuki Bin Ahmad, Ahli Majlis Kawasan Sanglang, Pengerusi MPKK dan Imam-Imam DUN Sanglang.





## MAJLIS PENYERAHAN BAGI PROJEK MENAIK TARAF DATARAN SENA INDAH, KANGAR

30 JULAI 2024

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah meluangkan masa untuk hadir ke Majlis Penyerahan Bagi Projek Menaik Taraf Dataran Sena Indah, Kangar.

Turut hadir Pengarah Jabatan Kejuruteraan, Pengarah Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan, Pengarah Jabatan Landskap Pelancongan Dan Seni Taman, Pengarah Unit Perolehan serta wakil Jabatan Kesihatan Persekitaran Dan Perlesenan.



## PENYERAHAN BENDERA DAN PELEPASAN KONTINJEN SUKAN MALA 2024 MPKANGAR

31 JULAI 2024

Majlis penyerahan bendera MPKangar kepada kontinjen sukan MALA 2024 telah disempurnakan oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth di perkarangan Ibu Pejabat MPKangar.

Kontinjen sukan MALA MPKangar yang diketuai oleh Setiausaha, Encik Raziff Bin Yaacob bersama 45 orang pemain yang akan menyertai 3 sukan utama iaitu badminton, karom dan 'treasure hunt' yang bakal dilangsungkan di Melaka Bandaraya Bersejarah.

Selamat Maju Jaya diucapkan kepada Kontinjen MPKangar dan semoga pulang dengan kejayaan demi mengharumkan nama MPKangar.



## SESI PERJUMPAAN YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN NEGERI, PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) DAN BADAN BERKANUN NEGERI

1 OGOS 2024



Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah hadir ke Sesi Perjumpaan YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis bersama Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri bersama YB Datuk Che Murad Sayang Bin Ramjan, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

Sesi ini diadakan sebagai medium interaksi YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis bersama Ketua-Ketua Jabatan di Negeri Perlis dalam mendapat maklumat awal mengenai struktur pentadbiran serta perkembangan Jabatan di Negeri Perlis.



## SESI TOWNHALL AGENDA PEMAJUAN NEGERI PERLIS BERSAMA TUAN YANG DIPERTUA MPKANGAR

1 OGOS 2024



Majlis Perbandaran Kangar telah mengadakan satu Sesi Townhall bersama Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Yang Dipertua MPKangar.

Tujuan sesi townhall ini diadakan bagi mendapatkan maklum balas serta berkongsi maklumat pemaajuan melalui kaedah yang terbaik serta bersama-sama pihak pemaaju dan perunding swasta dalam membangunkan Negeri Perlis ke arah mencapai Negeri Perlis Bandaraya Kangar Bandar Sejahtera selaras dengan Wawasan Rancangan Tempatan MPKPs 2035.

Sesi dimulakan dengan taklimat OSC 3.0 Plus dan OSC 3.0 PLUS Online daripada Encik Azizi Bin Sabu, Penolong Pengarah Unit Pusat Setempat (OSC) berkenaan penambahbaikan sistem OSC 3.0 Plus dan OSC 3.0 Plus Online. Penyertaan seramai 140 orang daripada pelbagai pihak berjaya menjadikan platform townhall ini sebagai satu mekanisme perancangan yang dinamik bagi menggalakkan pembangunan Negeri Perlis secara holistik.



## PROGRAM SIMBOLIK SEPAK MULA KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEPASUKAN BAWAH 21 TAHUN PIBKS NEGERI PERLIS 2024

3 OGOS 2024



Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth turut hadir di dalam Majlis Simbolik Sepak Mula yang telah dirasmikan oleh DYMM Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail . Majlis ini telah diadakan di padang Sekolah Kebangsaan Felda Chuping, Perlis.

## GOTONG-ROYONG AHLI MAJLIS KAWASAN INDERA KAYANGAN BERSAMA MPKK DAN PENDUDUK TAMAN KEMAJUAN

3 OGOS 2024

Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Yang DiPertua MPKangar telah hadir ke program gotong-royong serta penukaran tong sampah yang telah diselaraskan oleh Encik Pramoot A/L Puan, Ahli Majlis Kawasan Indera Kayangan.

Hadir semasa perasmian program ini ialah YAB Menteri Besar Perlis, Tuan Mohd Shukri Bin Ramli, EXCO Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Asrul Aimran Bin Abd Jalil, Encik Hoe Lam Hock, Ahli Majlis Indera Kayangan, Encik Shamsul Amri, Ahli Majlis Indera Kayangan dan Pegawai-Pegawai daripada Syarikat E-Idaman.

Sambutan dan kerjasama daripada penduduk yang hadir ke program ini amat menggalakkan. Program ini adalah program di bawah peruntukan MPKangar.



## LAWATAN PENANDA ARAS MAJLIS PERBANDARAN KANGAR KE MAJLIS PERBANDARAN MUAR, JOHOR

8 OGOS 2024



Delegasi lawatan penanda aras MPKangar ke Majlis Perbandaran Muar telah diketuai oleh Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth bersama 33 orang kakitangan yang telah disambut oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Muar, Tuan Haji Norrizam Bin Muhamamad serta diiringi oleh Tuan Haji Ahmad Nazri Bin Rebu, Setiausaha Majlis Perbandaran Muar.



Sesi taklimat yang telah disampaikan oleh Encik Mohammad Azlie Sham Bin Rasulu, Ketua Jabatan Pelesenan dan Persekitaran MP Muar memperkenalkan Muar Bandar Maharani Bandar DiRaja, Gagasan Bandar Warisan Bersih dan Sejahtera (BWBS) dan sebagai Bandar Pelancongan Terbersih ASEAN. Setelah itu, delegasi MPKangar telah dibawa melawati kawasan tumpuan yang diselia oleh MP Muar iaitu Lorong Belakang Mural, Dataran Tanjung Emas dan Tapak Pemprosesan Baja Kompos Sabak Awor, Muar.



## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN BERAS KEPADA KAKITANGAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR OLEH ANULAE CAWANGAN PERLIS

15 OGOS 2024



Satu Majlis Penyampaian Sumbangan Beras oleh Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) Cawangan Perlis kepada kakitangan Majlis Perbandaran Kangar telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Kangar.

Sumbangan telah disampaikan oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth kepada Pengarah-Pengarah yang mewakili kakitangan di Jabatan dan Unit masing-masing.

Terima kasih diucapkan kepada ANULAE di atas sumbangan tersebut dan kepada Yang Dipertua di atas kesudian meluangkan masa menyampaikan sumbangan.



## SESI PERBINCANGAN BAGI MAJLIS APRESIASI PENAJA SISIPAN KHAS DI DALAM AKHBAR TEMPATAN SEMPERNA SAMBUTAN ULANG TAHUN KEPUTERAAN KE - 81 DYMM TUANKU RAJA PERLIS

16 OGOS 2024

YBhg. Datin Hajah Aslina Binti Arshad, Setiausaha Bahagian Pengurusan Majlis, Protokol dan Istiadat telah mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, Yang Dipertua MPKangar di Ibu Pejabat MPKangar pada hari ini.

Perkara utama yang dibincangkan adalah penyelarasan Majlis Apresiasi Penaja Sisipan Khas Di Dalam Akhbar Tempatan Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-81 Hari Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis.



## PENGLIBATAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS, DALAM THE 7TH IMT-GT GCMC TAHUN 2024 DI HAT YAI, WILAYAH SONGKHLA, THAILAND

19-21 OGOS 2024



Delegasi Majlis Perbandaran Kangar, Perlis (MPKangar) yang diketuai oleh Yang Dipertua, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth, telah menghadiri The 7th Indonesia - Malaysia - Thailand Growth Triangle, Green Cities Mayor Council (IMT-GT GCMC) Tahun 2024 bertempat di Hotel Buri Sriphu, Hat Yai, Thailand. Delegasi MPKangar turut disertai oleh Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Bandar, TPr. Norul Najwa Binti Ali, Pengarah Jabatan Korporat dan Sumber Manusia, Puan Rosmariyani Binti Ab. Rashid dan Penolong Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Bandar, Encik Mohd Izul Fikri Bin Adumi.

Mesyuarat ini adalah acara tahunan di bawah kerjasama 'City' atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di tiga negara iaitu Indonesia, Malaysia dan Thailand, yang menjadi platform untuk membincangkan komitmen dan usaha kolektif bagi mendepani cabaran perbandaran serta mengurangkan kesan perubahan iklim.



## PENGLIBATAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS, DALAM THE 7TH IMT-GT GCMC TAHUN 2024 DI HAT YAI, WILAYAH SONGKHLA, THAILAND

19-21 OGOS 2024



Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh wakil Pemangku Datuk Bandar Pekanbaru, Indonesia, Tuan Indra Pomi Nasution selaku Pengerusi IMT-GT GCMC 2023-2025; serta dihadiri oleh Timbalan Pengerusi IMT-GT GCMC 2023-2025 iaitu Datuk Bandar Hat Yai, Thailand, YBhg. Lt. Jen. Pol. Sakorn Thongmuneee dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Malaysia, yang diwakili oleh Tuan Mohd Zamzuri Bin Hussain. Mesyuarat turut dihadiri oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar dan wakil Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT di bawah IMT-GT GCMC ini.

Mesyuarat telah dibentangkan dan berbincang berkenaan pelaporan kemajuan pelaksanaan IMT-GT Sustainable Urban Development Framework (SUDF) 2019-2036 oleh Timbalan Pengarah Centre IMT-GT; pelaporan pelaksanaan inisiatif bandar hijau oleh PBT yang hadir; pelaporan inisiatif berpotensi kerjasama oleh UN-ESCAP dan UN-HABITAT; dan cadangan Anugerah Bandar Hijau IMT-GT.



## MAJLIS PERBANDARAN KANGAR MERUPAKAN AGENSI PERTAMA MENGGUNAKAN MOTOSIKAL ELEKTRIK DI NEGERI PERLIS

30 OGOS 2024

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah menerima sebanyak 2 unit Motosikal Elektrik (EV) jenama Ebixon Bold yang ditempah daripada syarikat MyUS Auto tech Sdn. Bhd. Hadir bersama untuk penyerahan motosikal berkenaan adalah Dato' Nellsen Young selaku Pengerusi Eksekutif MyUS AutoTech Sdn Bhd. Antara objektif utama pemilihan motosikal ini kerana ianya menggunakan kuasa elektrik sepenuhnya dan menjimatkan kos selenggaraan. Selain itu, ia menjaga alam sekitar dan juga mudah untuk dikendalikan.



MPKangar merupakan agensi pertama yang menggunakan motosikal elektrik di Negeri Perlis dan merupakan PBT yang ke-7 dalam Malaysia. Semoga dengan penyerahan ini, menjadi platform kepada agensi lain di Negeri Perlis untuk menggunakan motosikal berkuasa elektrik.



# PROGRAM JUALAN KHAS SAMBUTAN SEMPENA KEMERDERKAAN YANG KE-67 @PASAR TANI, DATARAN ABC KANGAR

31 OGOS 2024



Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth berbesar hati merasmikan Program Jualan Khas Sempena Sambutan Kemerdekaan Ke-67 @ Pasar Tani dengan diiringi oleh Pengarah FAMA Negeri Perlis, Encik Mohd Anzara Bin Azizan.

Dalam program ini, YDP MPKangar telah mengagihkannya kepada 35 orang pertama pengunjung Jualan Madani @ Pasar Tani dan selebihnya dijual dengan harga RM6.70 berbanding pada harga asal RM10.00.

Terima kasih kepada pengunjung Pasar Tani Dataran MAIPs serta FAMA Negeri Perlis.



## PROGRAM KONVOI ISUZU D-MAX MERDEKA KE-67

31 OGOS 2024



Yang Dipertua MPKangar, Tuan Haji Affendi Rajini Kanth telah hadir ke Program Konvoi ISUZU D-MAX Merdeka Ke-67 yang telah diadakan di Tasoh Lake Resort, Perlis. Program ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis, YAB Tuan Mohd Shukri Bin Ramli dengan anjuran oleh Syarikat Indah Utara Auto Sdn Bhd.

Turut hadir bersama adalah EXCO Kerajaan Negeri Perlis (Kemajuan Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian & Warisan, Pemerkasaan Wanita, Keluarga & Masyarakat) YB Puan Wan Badariah Binti Wan Saad.

MPKangar juga turut diwakili oleh Ahli Majlis Kawasan Indera Kayangan, Encik Pramoot A/L Puan.



## PENCAPAIAN DAN PEMBAHARUAN MPKANGAR 2024

30 OGOS 2024


### MAJLIS SOFT LAUNCH GO LIVE SISTEM IMS@MPKANGAR



Satu Majlis Soft Launch Go Live Sistem IMS@MPKANGAR telah dirasmikan oleh Yang Dipertua, MPKangar, sambil disaksikan oleh semua ahli-ahli mesyuarat yang hadir dan Pengarah-Pengarah Jabatan / Unit / Pejabat cawangan MPKangar. Seterusnya, Pengarah Urusan MAP2U Sdn. Bhd. telah menyerahkan sijil digital pentaulihan sistem untuk ditandatangani oleh kedua-dua pihak MPKangar dan syarikat MAP2U Sdn. Bhd., sebagai simbolik penyerahan sistem yang telah siap dibangunkan kepada MPKangar.



Sebagai makluman, Sistem IMS@MPKANGAR merupakan sistem pangkalan data dan geospasial pertama yang dibangunkan oleh pihak MPKangar menggunakan peruntukan RP3 dan RP4 RMKe-12 di bawah KPKT, sebagai satu inisiatif pendigitalan perkhidmatannya selaras dengan objektif dan strategi di bawah Pelan Digital Perlis dan Draf (Blueprint) Pelan Bandar Pintar Negeri Perlis 2030.



# PENCAPAIAN DAN PEMBAHARUAN MPKANGAR 2024

22 OKTOBER 2024



## **TANDAS BERSIH, MENAWAN, WANGI DAN SELESA (BMWS)**

Lokasi: Tandas Awam Taman Lencongan Dua, Kangar

Alhamdulillah Majlis Perbandaran Kangar melalui peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berjaya menyediakan dua (2) tandas awam yang bersih, menawan, wangi dan selesa dan bertaraf 5 bintang sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

Tandas awam ini terletak di lokasi tumpuan pelancong iaitu Tandas Awam Taman Lencongan Dua, Kangar. Tandas awam ini juga dilengkapi ciri moden, rekaan dalaman yang cantik, sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik serta mesra orang kelainan upaya (OKU).



## PENCAPAIAN DAN PEMBAHARUAN MPKANGAR 2024

25 OKTOBER 2024



### **TANDAS BERSIH, MENAWAN, WANGI DAN SELESA (BMWS)**

Lokasi: Tandas Awam Dataran Taman Sena Indah, Kangar

Alhamdulillah Majlis Perbandaran Kangar melalui peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berjaya menyediakan dua (2) tandas awam yang bersih, menawan, wangi dan selesa dan bertaraf 5 bintang sempena Tahun Melawat Perlis 2024-2025.

Tandas awam ini terletak di lokasi tumpuan pelancong iaitu Tandas Awam Dataran Taman Sena Indah, Kangar. Tandas awam ini juga dilengkapi ciri moden, rekaan dalaman yang cantik, sistem pengudaraan dan pencahayaan yang baik serta mesra orang kelainan upaya (OKU).



## PENCAPAIAN DAN PEMBAHARUAN MPKANGAR 2024

27 OKTOBER 2024

Sesi perbentangan MPKangar sempena Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024 dilangsungkan di Dewan Banquet, Majlis Bandaraya Petaling Jaya melibatkan 8 PBT bertemakan 'Senergi Pelancongan Dari PBT'

Yang Dipertua MPKangar, Tuan Affendi Rajini Kanth telah membentangkan pengurusan pelancongan berkenaan 'Projek DiRaja Transformasi Kampung Nelayan Warna-Warni Seberang Ramai, Kuala Perlis' yang merupakan salah satu projek pembangunan ekonomi pelancongan MPKangar khususnya kepada negeri Perlis.



**Projek DiRaja Transformasi Kampung Nelayan Warna - Warni Seberang Ramai, Kuala Perlis**

## PENCAPAIAN DAN PEMBAHARUAN MPKANGAR 2024

27 OKTOBER 2024

### NAIB JOHAN



Majlis Perbandaran Kangar (MPKangar) telah berjaya merangkul Naib Johan bagi kategori Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Pembayaran Tunai Tahun 2024 (Best PBT Award) tajaan Payment Network Malaysia (PayNet) dengan membawa pulang sebuah trofi berserta RM 20,000.00 dan diserahkan kepada Yang Dipertua MPKangar, Tuan Affendi Rajini Kanth.

# PENCAPAIAN DAN PEMBAHARUAN MPKANGAR 2024

27 OKTOBER 2024



## ANUGERAH PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2024

Majlis Perbandaran Kangar telah menerima Sijil Pengiktirafan Anugerah Penarafan 5 Bintang daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa Konvesyen PBT 2024 yang telah diadakan di Petaling Jaya, Selangor.



# PENCAPAIAN DAN PEMBAHARUAN MPKANGAR 2024

28 OKTOBER 2024

## ***BANDAR PINTAR***



Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Kangar, Perlis, telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan status Penarafan Bandar Pintar Malaysia Tahun 2024. Dengan kerjasama semua pihak yang berkaitan, Majlis Perbandaran Kangar, Perlis telah berjaya memperolehi penarafan Bandar Pintar melalui Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia 2024 Tahap 1: Smart City Early Adopter. Anugerah ini disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Majlis Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan.



## PEMBAHARUAN YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH TUAN YANG DIPERTUA MPKANGAR

BIL	PEMBAHARUAN	JABATAN/UNIT	TINDAKAN	KAEDAH / PENYELESAIAN
1.	Menghentikan Pengoperasian Tong Sampah Tepi Jalan	Jabatan Kesihatan Persekitaran Dan Pelesenan	<p>Lokasi Tong Sampah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tong Pusat Abi</li> <li>• Tong Pusat Hadapan Wan Arpah</li> <li>• Tong Pusat Kampung Jarak</li> <li>• Tong Pusat Masuk Taman Bunga Padi</li> <li>• Tong Pusat Sungai Bakong</li> </ul>	Kutipan sampah secara tong individu ( <i>door-to-door</i> ) di kawasan terlibat
2.	Penyaluran Aduan Dalam Masa 24 Jam	Jabatan Korporat Dan Sumber Manusia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aduan Longgokan Sampah</li> <li>• Aduan Kacau Ganggu</li> <li>• Aduan Halangan Parkir</li> <li>• Aduan Gerai/Peniaga</li> </ul>	100% Diselesaikan
3.	Larangan Penggunaan Bekas Makanan Styrofoam dan Polisterin	Jabatan Kesihatan Persekitaran Dan Pelesenan	Berkuatkuasa 15 Julai 2024	Semua Premis Kedai/Gerai/Penjaja Perniagaan Makanan dan Minuman
4.	Papan Tanda Arah Ditambah Tulisan Bahasa Siam	Jabatan Undang-Undang Dan Penguatkuasaan dan Jabatan Kejuruteraan	Tambahan tulisan Bahasa Siam, selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada papan tanda kendalian MPKangar	Papan tanda di bawah seliaan MPKangar iaitu di kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar dan Wang Kelian

## PEMBAHARUAN YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH TUAN YANG DIPERTUA MPKANGAR

BIL	PEMBAHARUAN	JABATAN/UNIT	TINDAKAN	KAEDAH / PENYELESAIAN
5.	Penubuhan Akaun TikTok MPKangar	Jabatan Korporat dan Sumber Manusia	Penerbitan video MPKangar	Video program / aktiviti berkaitan MPKangar untuk makluman dan hebahan kepada masyarakat awam
6.	Pengurusan Sampah Sistemik	Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pelesenan	Pengurusan sampah di tempat tumpuan : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Arked Niaga Padang Besar</li> <li>• Kawasan PZS</li> <li>• Gapura Square Padang Besar</li> </ul>	Libat Urus dengan pihak SWCorp, PKENPs, Bakau Jaya Sdn.Bhd, Padang Waremart dan PZS Development Sdn.Bhd telah diadakan pada 29 Mei 2024.
7.	Penyampaian bayaran cukai taksiran melalui SMS kepada Pelanggan	Unit Teknologi Maklumat	Telah dilaksanakan	Pelanggan telah menerima SMS bagi bil Penggal Kedua 2024



## PERANCANGAN TUAN YDP BAGI JANGKA MASA PANJANG

BIL	PERANCANGAN	TUJUAN PERANCANGAN	TINDAKAN/MANFAAT
1.	Kangar Central	Terminal Bas Bersepadu Perlis Central	Halatuju Pengoperasian & Pengurusan Perlis Sentral
2.	Batu Pahat	Kawasan rekreasi dan riadah Batu Pahat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai komponen seperti tapak perkhemahan dan taman rekreasi untuk pengunjung beriadah.</li> <li>• Menambahbaik peralatan 'outdoor gym' dan peralatan senaman</li> <li>• Menyediakan plaza / dataran</li> </ul>
3.	Pasar Besar Lama	Pasar Malam Berpusat / Hub Jualan	Kiosk / Gerai Jualan yang teratur
4.	Parking Bertingkat Kuala Perlis	Membina kemudahan parkir bertingkat berhampiran Jeti Penumpang di Kuala Perlis, Perlis	Kemudahan kepada pelancong

## LIPUTAN MEDIA BERSAMA YDP



#NSTnation Kangar Municipal Council aims to slash RM26 million in assessment tax arrears  
#Kangar #Tax #MunicipalCouncil



NST.COM.MY  
Kangar Municipal Council aims to slash RM26 million in assessment tax arrears | New Straits Times

### NEW STRAITS TIMES BUSINESS TIMES

**KANGAR:** The Kangar Municipal Council is prioritising efforts to increase the state's revenue. It aims to do so primarily by addressing the burden of outstanding assessment tax arrears of RM26 million. The Council's new president Affendi Rajini Kanth said one of his priorities would be to boost the state's revenue. He hopes to achieve this by ensuring higher tax collection compared with previous years.

**More News**  
"Previously, the estimated tax collection was around RM30 million. We aim for a 10 per cent increase this year. To achieve this, we will ensure that this year's collection surpasses last year's."  
"We have identified a formula to achieve the 10 per cent target.  
"Our goal is to significantly contribute to the state's income," he said at a press conference here today.  
Affendi has outlined 31 initiatives to be implemented by the Kangar Municipal Council to ensure it is financially stable in performing daily municipal tasks.  
"This is a significant responsibility as we move towards becoming a developed state. We also want the Kangar Municipal Council to operate as a business entity, which means we need to generate profits and income for the state.  
"This is crucial to ensure the state's financial stability. What's important is that the state is our priority, followed by the Kangar Municipal Council, rather than personal interests," he said.



**KANGAR, 8 Jun-** Semua premis kedai, gerai dan penjaja makanan dan minuman dalam kawasan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dilarang menggunakan bekas makanan stirofoam dan polistirena, berkuat kuasa bermula 15 Julai depan.

Menurut Yang Dipertua MPK, Affendi Rajini Kanth, larangan itu antara langkah jangka masa panjang memulihara alam sekitar serta memastikan tahap kesihatan penduduk di Perlis sentiasa terjamin.

Tegasnya, peniaga yang ingkar akan berdepan tindakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan dikenakan kompaun maksimum RM500 atau denda tidak melebihi RM2,000.

Penguatkuasaan larangan itu susulan pelaksanaan Program Hari Tanpa Beg Plastik Peringkat Negeri Perlis pada 29 Februari 2020 secara berfasa sehingga 2026.

Menerusi pelaksanaan itu, setiap permintaan beg plastik dikenakan caj antara 20 sen sehingga RM2.

Langkah itu bagi memupuk kesedaran masyarakat supaya mengurangkan penggunaan beg plastik sekali guna.



Menurut Yang Dipertua MPK, Affendi Rajini Kanth, larangan itu antara langkah jangka masa panjang memulihara alam sekitar serta memastikan tahap kesihatan penduduk... See more



BERITARTEM.GOV.MY  
Jangan guna polistirena, kuat kuasa mulai 15 Julai - MPK  
KANGAR, 8 Jun- Semua premis kedai, gerai dan penjaja makanan dan minuman dalam ka...

## LIPUTAN MEDIA BERSAMA YDP

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**



KANGAR – Majlis Perbandaran Kangar (MPK) menguatkuasakan larangan penggunaan bekas berasaskan polistirena dan styrofoam untuk membungkus makanan di seluruh Perlis bermula hari ini.

Yang Dipertuanya, Affendi Rajini Kanth berkata, penguatkuasaan itu dilakukan setelah notis pemberitahuan dikeluarkan kepada peniaga dan pemilik premis pada 7 Jun lalu.

"Hari ini kita telah melakukan tinjauan di sekitar negeri termasuk kawasan Kangar, Padang Besar, Arau dan Kuala Perlis setelah lebih sebulan notis larangan itu dikeluarkan.

"Sehingga saat ini (petang tadi) tidak ada lagi laporan atau aduan penggunaan kedua-dua bahan terlarang tersebut yang digunakan untuk membungkus makanan dikesan," katanya pada sidang akhbar di Dataran Taman Sena Indah, di sini hari ini.

Selain tinjauan di gerai-gerai peniaga, Affendi turut pergi ke sebuah pasar raya mini yang menjual keperluan untuk peniaga makanan di kawasan tersebut.

"Kita mendapati pasar raya ini juga tidak membekalkan bekas makanan daripada styrofoam serta polistirena dan kita menyarankan selain peniaga, pembekal peralatan pembungkusan juga tidak lagi menjual bekas daripada bahan tersebut.

"Kita memberi masa kira-kira seminggu lagi untuk advokasi dan selepas tempoh itu, mana-mana peniaga yang masih menggunakan bekas berkenaan boleh dikompau maksimum RM500 atau denda tidak lebih RM2,000 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976," jelasnya.

Beliau turut menyarankan peniaga menggunakan beg kertas atau bekas plastik tahan haba yang boleh digunakan dalam ketuuh gelombang mikro. Tambahnya, langkah itu diambil setelah mengambil kira kajian yang menunjukkan penggunaan polistirena disifatkan berbahaya kerana mengandungi bahan karsinogen yang boleh menyebabkan kanser, selain tirena dan benzena yang menjejaskan alam sekitar. – KOSMO! ONLINE



KOSMO.COM.MY

Tiada lagi bekas polistirena, styrofoam di Perlis

KANGAR – Majlis Perbandaran Kangar (MPK) menguatkuasakan larangan penggunaan bekas b...

Pejabat SUK Perlis  
8 June · 🌐

KANGAR - 8 Jun 2024 (Bernama) Semua premis kedai termasuk gerai dan penjaja makanan dan minuman dalam kawasan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dilarang menggunak... See more



BERNAMA.COM

PENIAGA MAKANAN DALAM KAWASAN MPK DILARANG GUNA BEKAS MAKANAN STIROFOAM DAN POLISTERIN MULAI 15 JULAI

BERNAMA.com | BERNAMA TV | BERNAMA Radio | BERNAMA Images



English Malay 中文 Arabic Español தமிழ்

KANGAR, 15 Julai (Bernama) -- Larangan penggunaan bekas makanan berasaskan styrofoam dan polistirena dalam kawasan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) yang berkuat kuasa hari ini turut melibatkan mereka yang menjual makanan dari rumah dengan cara jualan menerusi perkhidmatan tular semasa penghantaran (COD).

Yang Dipertua MPK Affendi Rajini Kanth berkata sebagai sahaja yang menjual dan mengedar makanan tidak dibenarkan menggunakan bekas makanan itu untuk membungkus makanan kepada pelanggan serta dilarang menggunakan penyedut minuman plastik bertuot kuasa 1 Ggus ini.

"Jangan guna polistirena untuk membungkus makanan, kita (MPK) larang 100 peratus secara mutlak penggunaannya," katanya kepada pemberita selepas meninjau premis jualan makanan dan minuman semasa penguatkuasaan larangan penggunaan bekas makanan itu di sekitar kawasan Taman Sena Indah di sini hari ini.

Pada 8 Jun lepas, Bernama melaporkan semua premis kedai termasuk gerai serta penjaja makanan dan minuman dalam kawasan MPK dilarang menggunakan bekas makanan berasaskan styrofoam dan polistirena berkuat kuasa mulai hari ini.

Affendi berkata untuk permulaan bagi aktiviti penguatkuasaan larangan itu, penguat kuasa MPK akan lebih menurus kepada usaha mendidik dan menasihati peniaga sebelum tindakan terhadap mereka diambil mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 sekiranya masih ingkar terhadap arahan berkenaan selepas itu.

Beliau berkata jika peniaga didapati gagal mematuhi arahan itu, mereka boleh dikompau maksimum RM500 atau denda tidak melebihi RM2,000 sekiranya disabitkan kesalahan.

Mengenai tinjauan ketika penguatkuasaan oleh penguat kuasa MPK terhadap larangan itu di sekitar kawasan Taman Sena Indah dan kawasan lain hari ini, Affendi berkata pihaknya mendapati hasilnya positif berikutan tiada peniaga menggunakan bekas makanan berasaskan styrofoam dan polistirena sekali gus berharap ia berterusan.

-- BERNAMA

## LIPUTAN MEDIA BERSAMA YDP



Menurut Yang Dipertuanya, Affendi Rajini Kanth dalam kenyataannya, berikutan larangan berkenaan, penguat kuasa MPK akan melakukan tinjauan di sekitar negeri ter... See more



BERITA.RTM.GOV.MY

### Kangar kuat kuasa larangan penggunaan Polistirena dan Styrofoam

KANGAR, 16 Julai-Berkuatkuasa mulai semalam, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) telah m...



KANGAR, 16 Julai-Berkuatkuasa mulai semalam, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) telah menguatkuasakan larangan penggunaan bekas berasaskan polistirena dan styrofoam untuk membungkus makanan di seluruh Perlis.

Pelaksanaannya berikutan notis pemberitahuan kepada semua peniaga dan pemilik premis telah dilakukan sejak 7 Jun lalu.

Menurut Yang Dipertuanya, Affendi Rajini Kanth dalam kenyataannya, berikutan larangan berkenaan, penguat kuasa MPK akan melakukan tinjauan di sekitar negeri termasuk kawasan Kangar, Padang Besar, Arau dan Kuala Perlis.

"Kita memberi masa kira-kira seminggu lagi sehingga 21 Julai ini untuk advokasi dan selepas tempoh itu, mana-mana peniaga yang masih menggunakan bekas berkenaan boleh dikompauan maksimum RM500 atau denda tidak lebih RM2,000 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976", katanya yang ditemui RTM ketika melakukan tinjauan ke gerai peniaga di sekitar Taman Sena Indah serta pasar raya mini yang menjual keperluan untuk peniaga makanan di kawasan tersebut.

Para peniaga turut disarankan menggunakan beg kertas atau bekas plastik tahan haba yang boleh digunakan dalam ketuahr gelombang mikro.

Langkah berkenaan diambil berikutan dapatan kajian yang menunjukkan penggunaan polistirena disifatkan berbahaya kerana mengandungi bahan karsinogen yang boleh menyebabkan kanser, selain tirena dan benzena yang menjejaskan alam sekitar.



## JENDELA MADANI

SUARA MERENTASI DUNIA

Oleh: Shofina Osman  
15 JULAI 2024

Bertarikh 15 Julai 2024, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) melaksanakan penguatkuasaan larangan penggunaan bekas makanan styrofoam dan polistirena di seluruh Perlis.

Sekaligus semua premis kedai/gerai/penjaja peniaga makanan dan minuman dalam kawasan MPK perlu patuh di atas arahan yang telah dikuatkuasakan pada tarikh ini.

Pada 7 Jun lalu, Yang Dipertua MPK, Affendi Rajini Kanth telah mengumumkan notis pemberitahuan ini supaya pihak terbabit bersiap sedia sebagai arahan berkuatakuasa.

Bagaimanapun Affendi berkata, pihaknya masih memberi masa dalam tempoh seminggu atau 10 hari dari tarikh penguatkuasaan ini untuk diadvokasi.

"Jika ada yang dikesan masih gagal mengikut peraturan ini selepas tarikh itu maka boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu kompaun maksimum RM500 atau denda tidak melebihi RM2,000," katanya pada sidang media.

### TINJAUAN DI KOSK

Sebelum itu Affendi mengetuai tinjauan di kios dan sebuah kedai runcit di Taman Sena Indah, Kangar sempena pelaksanaan penguatkuasaan larangan penggunaan bekas makanan styrofoam dan polistirena di semua premis kedai/gerai/penjaja peniaga makanan dan minuman dalam kawasan MPK.



Jendela Madani  
6 days ago

MPK kuatkuasa larangan guna bekas makanan styrofoam, polistirena  
<https://jendelamadani.net/~/mpk-kuatkuasa-larangan/>



## LIPUTAN MEDIA BERSAMA YDP



### NEW STRAITS TIMES BUSINESS TIMES

KANGAR: The Kangar Municipal Council plans to include Thai alongside Malay and English on signboards in areas near the Malaysian-Thai border soon. Municipal Council president Affendi Rajini Kanth said the initiative received the attention of Regent of Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail during a recent meeting in Padang Besar. "Tuanku highlighted the need for signs in the border areas to include Thai. "We will add Thai to signs and billboards, like the 'Welcome' signs managed by us, as areas like Padang Besar and Wang Kelian are entry points for our neighbouring country's citizens," he said in an interview at his office here. More News. He said no official date for the plan's implementation had been set, but it was discussed in a meeting yesterday. "In the coming months, we will review the process and we expect the use of Thai to be implemented within two months from now. "This plan will involve collaboration with various agencies and is still in discussion." Affendi also touched on the implementation of Jawi characters on advertisement signs and business premises, which was already enforced by the state government. "We will provide a grace period for new business owners to include Jawi on their signs. "We plan to enforce this to ensure all signs and billboards in Perlis have Jawi, though some details need to be finalised." Affendi added that the implementation would be done in stages, with new business owners required to include Jawi on their signs, while existing business owners would need to update their signs to include Jawi. On Feb 1, the Perlis government mandated the use of Jawi on all business premises, advertisements and billboards in the state. State Housing, Local Government, Human Resource Development and Poverty Eradication Committee chairman Asrul Aimran Abd Jalil said the enforcement would also cover street signs in residential areas and neighbourhoods. This requirement covers new applications for business premises wanting to put up new signs, without affecting existing advertisement signs.

## LIPUTAN MEDIA BERSAMA YDP



BHARIAN.COM.MY

Papan tanda di Padang Besar, Wang Kelian bakal ditambah tulisan Siam | Berita Harian



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES

KANGAR: Majlis Perbandaran Kangar dijangka menambahkan tulisan bahasa Siam, selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, pada papan tanda kendalian pihak berkuasa tempatan (PBT) itu di sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thailand di Padang Besar dan Wang Kelian, tidak lama lagi. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Affendi Rajini Kanth, berkata perkara ini sudah mendapat perhatian Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, pada satu perjumpaan membabitkan PBT itu di Padang Besar. "Perkara ini sebenarnya sudah mendapat perhatian baginda dalam satu perjumpaan di Padang Besar, baru-baru ini, yang menitahkan papan tanda di kawasan sempadan (Malaysia-Thailand) di Perlis diletakkan juga tulisan bahasa Siam (Thailand).

"Oleh itu, kami akan menggunakan tulisan bahasa Siam bersama bahasa Melayu dan bahasa Inggeris pada setiap papan tanda atau 'billboard' seperti 'Selamat Datang', yang berada bawah kendalian kami selepas ini." Ini kerana kita tahu kawasan seperti Padang Besar dan Wang Kelian adalah pintu masuk rakyat negara jiran ke negara kita," katanya ketika ditemui di pejabat beliau, hari ini. Affendi memaklumkan setakat ini, belum ada tarikh rasmi untuk pelaksanaan rancangan berkenaan tetapi ia sudah dibincangkan dalam mesyuarat PBT itu, semalam.

"Kita menjangka setidak-tidaknya dua bulan dari sekarang mungkin penggunaan tulisan bahasa Siam ini dapat dilaksanakan." Perancangan ini juga akan membabitkan kerjasama pelbagai agensi. Ia masih pada peringkat perbincangan," katanya. Dalam perkembangan lain, Affendi berkata, pihaknya memberi suatu tempoh 'grace period' kepada pemilik premis perniagaan untuk turut menggunakan tulisan Jawi pada papan tanda mereka. "Kita sudah merancang untuk menguatkuasakan pelaksanaan ini agar semua papan tanda dan papan iklan di Perlis mempunyai tulisan Jawi, namun ada perkara yang harus kita selaraskan," katanya. Affendi menjelaskan, pelaksanaan itu akan dilakukan secara berperingkat di mana pemilik premis perniagaan baharu perlu menyertakan tulisan Jawi pada papan tanda perniagaan mereka, manakala pemilik premis sedia ada juga perlu menukar papan tanda perniagaan mereka dengan menyertakan sekali tulisan Jawi.

Pada 1 Februari lalu, Kerajaan Perlis mewajibkan penggunaan tulisan Jawi pada setiap papan tanda premis perniagaan, iklan atau 'billboard' di seluruh negeri ini. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pembangunan Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan Perlis, Asrul Aimran Abd Jalil, dipetik berkata penguatkuasaan itu akan turut membabitkan papan tanda jalan di taman perumahan serta kawasan kejiranan di negeri ini.



## **PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH**

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada warga kerja MPKangar di atas kerjasama dan sumbangan idea bagi menjayakan cetakan Buletin 100 Hari Kepimpinan Yang Dipertua MPKangar ini.

*Ikhlas daripada :*

*Jabatan Korporat Dan Sumber Manusia  
Majlis Perbandaran Kangar  
Perlis*

# Infografik MPKangar

**TAHUKAH ANDA?**

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA MPKPs



**APA ITU CUKAI TAKSIRAN?**

Cukai Taksiran atau Cukai Pintu adalah bayaran yang dikenakan ke atas pegangan berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis Perbandaran Kangar. Kuasa untuk mengenakan cukai taksiran termaktub di bawah seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)



## MISI MPKANGAR

Menyediakan Perkhidmatan Kerajaan Tempatan Yang Profesional Untuk Memastikan Rakyat Perlis Menikmati Kehidupan Yang Selesa Dan Sejahtera

## MENGAPA CUKAI TAKSIRAN SAYA BERBEZA DENGAN JIRAN SAYA?

PERBEZAAN CUKAI TAKSIRAN BOLEH BERLAKU DISEBABKAN OLEH BEBERAPA FAKTOR. ANTARANYA:-

- ▲ Keluasan Lantai Bangunan (disebabkan ubah suai / tambahan).
- ▲ Jenis Bangunan (teres, berkembar, sesebuah, town house).
- ▲ Kedudukan Bangunan (hujung/tengah/tepi).
- ▲ Jenis Bahan Binaan/Kemasan.



## MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

192, Persiaran Jubli Emas,	:	Talian Am	04-9762188
01000 Kangar,	:	Faksimili	049766052
Perlis	:	Whatsapp Aduan	019-4701597
	:	Website	<a href="http://www.mpkangar.gov.my">www.mpkangar.gov.my</a>
	:	Emel	<a href="mailto:korporat@mpkangar.gov.my">korporat@mpkangar.gov.my</a>



# MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

***#perliscentric #perlisleads #perlisnol***